

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 FEBRUARI 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6

Hampir 150,000 daftar PADU di Negeri Sembilan

Hampir 150,000 daftar PADU di Negeri Sembilan

SEREMBAN — Seramai 144,395 orang penduduk yang beralamat di Negeri Sembilan sudah mendaftar dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) sejak ia diperkenalkan oleh kerajaan pada 2 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Sembilan, Mohd. Sawal Shakimon berkata, jumlah itu bersamaan 164 peratus daripada seramai 879,880 orang di negeri itu yang berusia 18 tahun ke atas dan laik mendaftar untuk sistem itu.

Beliau berkata, pihaknya terus menggembung usaha untuk menarik lebih ramai penduduk untuk membuat pendaftaran dan pengemaskinian ke dalam sistem Padu sebelum tarikh akhir pada 31 Mac ini.

"Kami telah merangka beberapa strategi turun ke lapangan di beberapa lokasi bagi membolehkan setiap segmen masyarakat disantuni.

"Antaranya membuka kaunter di pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta

pasar raya besar yang menjadi tumpuan orang ramai terutamanya pada hujung minggu," katanya di sini semalam.

Sehingga kini, katanya, sumbangan diterima arah menggalakkan yang mana DOSM sebagai pihak mengendalikan pendaftaran menerima banyak pertanyaan, selain membantu orang ramai membuat pendaftaran.

Tambahnya, dalam sesi pertemuan itu, pihaknya juga berperluang memberi penerangan kepada orang ramai mengenai

beberapa kekeliruan yang timbul.

Tambah Mohd. Sawal, pihaknya juga mendapat kerjasama erat daripada kerajaan negeri bagi melaksanakan hebatan di peringkat akar umbi serta sokongan daripada pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri berkemahan.

"Mereka menjerput kami membuka kaunter apabila sesatu majlis atau acara dianjurkan di kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing.

"Kami juga menyasarkan ko-

muniti lebih kecil seperti kampung-kampung serta kerjasama strategik bersama Felda bagi membuka kaunter, khususnya untuk memastikan masyarakat peneroka tidak tercincir dalam hal ini," ujarnya.

Beliau turut menyarankan orang ramai di negeri itu tidak menunggu sehingga saat akhir untuk mendaftar Padu bagi mengelakkan masalah trafik dalam talian yang tinggi semasa membuat capaian kepada sistem berkenaan.